

Pemuda berikrar bangkit bantu PM

UM 24 JUN 2007

KUALA LUMPUR 23 Jun — Pergerakan Pemuda UMNO berikrar untuk bangkit membantu Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam memperjuangkan agenda Melayu yang belum selesai.

Naib Ketuanya, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir berkata, pada masa yang sama pergerakan itu mengajak seluruh rakyat khususnya orang Melayu supaya lebih bersemangat mengubah diri.

“Kalau saudara dengar ucapan penangguhan (Perhimpunan Agung UMNO) oleh Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo, Pemuda telah pun menyatakan bahawa kita berjanji kepada Perdana Menteri untuk bergerak sebagai satu pasukan yang lebih garing bagi memastikan segala agenda Melayu yang diutarakan oleh beliau dan kerajaan dapat dicapai,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita sele-

pas mempengerusikan mesyuarat tergempar Exco-exco Pemuda dan wakil Ketua Pemuda UMNO negeri di sini hari ini.

Menurut Abdul Aziz, pada ucapannya itu Dr. Mohamad Khir berkata, Pemuda UMNO berjanji akan terus membantu Perdana Menteri sekiranya beliau terus mengadakan program berkaitan orang Melayu.

“Kita telah pun bergerak tapi saya rasa semua rakyat hari ini bangun dengan lebih bersemangat untuk memastikan dasar dan agenda Melayu yang diletakkan oleh Datuk Seri (Dr. Mahathir Mohamad) dapat dicapai,” katanya.

Mengenai penarikan balik keputusan Dr. Mahathir untuk meletakkan jawatan, Abdul Aziz berkata, Exco Pergerakan Pemuda UMNO dan ahli-ahli pergerakan itu akan terus memberi sokongan pada terhadap kepemimpinan beli-

au sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia.

Pemuda UMNO juga kata beliau, sedang merancang untuk mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir bagi memaklumkan sokongan pergerakan itu terhadap kepimpinan beliau.

Katanya, semangat Pemuda UMNO kini hampir pulih selepas menerima kejutan semalam.

Mengenai mesyuarat hari ini, Abdul Aziz berkata, tidak ramai yang dapat hadir kerana notis hanya dikeluarkan pagi tadi tetapi ia antara lain bertujuan memaklumkan kepada Exco Pemuda dan Ketua Pemuda supaya mereka mengarahkan Ketua-ketua Pemuda bahagian memberi penjelasan kepada akar umbi berhubung peristiwa peletakan jawatan oleh Perdana Menteri dan penarikan balik keputusan itu.

Penjelasan itu katanya,

penting bagi mengelakkan kekeliruan berhubung peristiwa mengejut dan mengharukan itu.

Dalam perkembangan yang sama, Abdul Aziz berkata, Pemuda Barisan Nasional (BN) juga akan mengadakan mesyuarat khasnya pada Selasa depan bagi memutuskan satu ketetapan menyokong kepemimpinan Perdana Menteri.

Pada sidang akhbar itu juga Abdul Aziz mewakili Pemuda UMNO merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Datuk Fadzil Noor atas kematian pemimpin pembangkang itu pagi ini.

Menjawab satu soalan, Abdul Aziz berkata, Pergerakan Pemuda UMNO lega dan berterima kasih kepada Menteri Pendidikan atas keputusan bahawa kerajaan bersetuju untuk menubuhkan Fakulti Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM).